

17 NOV 2000
Lunas-Calon (BN)
ANTHONY SAMY CALON BN P/RAYA KECIL DUN LUNAS

KULIM, 17 Nov (Bernama) -- S. Anthonysamy hari ini diumumkan sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, yang juga pengarah pilihan raya BN bagi kerusi berkenaan membuat pengumuman itu pagi ini di Dewan Serbaguna, Jalan Kilang Lama, di sini, di hadapan lebih 1,000 penyokong BN.

Majlis berkenaan turut dihadiri Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu serta pemimpin parti komponen BN peringkat negeri Kedah.

Anthonysamy, 59, lulusan undang-undang dari Lincoln's Inn, London pernah menjadi Penolong Setiausaha MIC Negeri Kedah sejak 1987 hingga tahun lepas.

Sekarang ini beliau memegang jawatan Pengerusi MIC cawangan Ladang Padang Buluh, Sidam Kiri, iaitu tempat kelahiran beliau.

Sebaik nama calon itu itu diumumkan hadirin memberi tepukan gemuruh dan beliau diusung ke pentas untuk menyertai para pemimpin BN yang lain.

Anthonysamy, anak penoreh getah di Ladang Padang Buluh, Sungai Petani mula menyertai MIC sejak 1985.

Berkelulusan undang-undang beliau telah memegang beberapa jawatan penting antaranya Majistret di Jabatan Kehakiman, Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara dan kini mempunyai sebuah firma guaman di Butterworth, Pulau Pinang.

Syed Razak semasa membuat pengumuman itu berkata setelah berunding dengan pemimpin BN negeri dan Samy Vellu, nama calon berkenaan telah diberi restu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Calon itu adalah calon pilihan saya, Samy Vellu, Dr Mahathir serta para penduduk Lunas," katanya.

Beliau berkata Anthonysamy adalah calon yang layak untuk mewakili BN bagi mengekalkan kerusi berkenaan, yang sangat penting kepada BN Kedah dalam usaha mengekalkan majoriti dua pertiga dalam Dewan Undangan Negeri Kedah.

Pada pilihan raya lepas, BN memenangi 24 daripada 36 kerusi. 12 kerusi lagi adalah milik PAS.

Kerusi Dewan Undangan Negeri Lunas kosong berikutan kematian wakil Barisan Nasional Dr Joe Fernandez, yang mati ditembak pada 4 Nov lepas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 21 Nov ini sebagai tarikh penamaan calon dan sekiranya ada pertandingan, pilihan raya akan dijalankan pada 29 Nov ini.

Barisan Alternatif dilaporkan akan meletak calon di kerusi berkenaan.

Pada pilihan raya umum tahun lepas, Dr Fernandez memenangi kerusi berkenaan bagi kali kedua, dengan menewaskan tiga pencabar iaitu M. Kathiravelo (DAP) dan dua calon bebas Ibrahim Md Rashdi dan N. Letcumanan.

Fernandez memperolehi 9,760 undi, Kathiravelo 5,060 undi, Ibrahim 2,158 undi dan Letcumanan 87. Wakil BN itu menang dengan majoriti 4,700 undi.

Mengikut data terbaru SPR kawasan itu mempunyai 26,746 pengundi.

Anthonysamy ketika berucap berkata bahawa beliau berterima kasih atas kepercayaan pucuk pimpinan BN untuk memilihnya.

Beliau berjanji akan berusaha keras bagi memastikan kemenangan BN serta menjalankan tugas sebaik mungkin bagi membangunkan kawasan berkenaan.

Bercakap pada persidangan berita, Syed Razak berkata memenangi kerusi Lunas itu sangat penting kerana ia adalah penentu kejayaan beliau sebagai

ketua BN negeri.

"Pilihan raya ini adalah penentu kejayaan saya sebagai ketua BN negeri ini," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan beberapa pihak bahawa Anthonysamy bukanlah calon yang sesuai kerana beliau bukan anak tempatan Lunas, Syed Razak berkata: "Beliau berkhidmat dengan MIC Kedah, beliau lahir di sini, kita kira beliau adalah anak tempatan dan kita juga tahu jasa beliau adalah banyak.

"Kita yakin pengundi akan memilih beliau sebagai wakil yang mampu membuat kesinambungan wakil rakyat BN yang lepas," katanya.

Samy pula berkata BN akan melakukan usaha terbaik untuk mengekalkan majoriti yang dimenangi pada pilihan raya lepas, dan kalau boleh mendapatkan majoriti yang lebih tinggi.

Beliau yakin dapat memenangi kerusi berkenaan berdasarkan tanda-tanda sokongan lebih baik yang diberikan rakyat kepada BN, berbanding pada pilihan raya lepas.

Katanya kerjasama antara parti komponen sangat baik dan ini dapat dilihat sejak awal lagi apabila semua parti telah mengerakkan seluruh anggota parti membantu calon BN.

Dengan penuh yakin Samy berkata beliau tidak akan pulang ke Kuala Lumpur tanpa memenangi kerusi berkenaan.

Naib Presiden MIC Datuk G. Palanivel pula berkata pengundi perlu mengekalkan kerusi BN itu bagi meneruskan pembangunan.

-- BERNAMA

MZM AP MNH ZZ JM RHM